

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 12**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam merapatkan jurang antara negeri-negeri kaya dan miskin serta pendapatan penduduk luar bandar dan bandar sepermula yang dirangka di dalam Dasar Kemakmuran Bersama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, tumpuan Kerajaan adalah ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri. Ia adalah penting bagi memastikan supaya setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat terjamin berdasarkan konsep Kemakmuran Bersama atau “*shared prosperity*”.
  
2. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) merupakan agenda nasional yang akan memandu hala tuju negara secara lebih holistik bagi tempoh 2021-2030. WKB merupakan iltizam Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang akan terus membangun secara mampan dengan pengagihan ekonomi yang adil dan saksama, inklusif merentasi kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

## NO. SOALAN : 12

Pelaksanaan WKB akan diterjemahkan untuk tempoh 10 tahun dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13.

3. Matlamat WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030 dengan memberikan fokus kepada usaha untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan, merentasi wilayah termasuk negeri-negeri serta penduduk luar bandar dan bandar. Ini adalah penting supaya negeri-negeri kurang membangun dan golongan penduduk yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan keupayaan ekonomi mereka diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Objektif kedua dalam WKB, iaitu Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan menumpukan usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan. Bagi menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, tumpuan Kerajaan adalah untuk mewujudkan aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan pekerjaan berpendapatan tinggi yang menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan.

5. Dalam konteks jurang antara wilayah termasuk negeri-negeri serta kawasan bandar dan luar bandar, Kerajaan menyedari bahawa jurang pengagihan ekonomi bagi kawasan tersebut semakin melebar. Justeru, di bawah Teras Strategik Keenam WKB, iaitu Keterangkuman Wilayah, pemetaan kawasan titik panas ekonomi (*economic hot spots*), dengan izin, akan dilaksanakan bagi mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan adalah berasaskan kepada kekuatan dan keunikian di kawasan tersebut. Dalam Teras Strategik Kedua, terdapat 15 cadangan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang dikenalpasti. Antaranya ialah Ekonomi Digital dan Pertanian Pintar untuk mengembangkan dan merancakkan lagi aktiviti ekonomi merentasi wilayah dan negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan yakin dan percaya bahawa usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang pembangunan merentasi wilayah dan negeri serta penduduk luar bandar dan bandar akan tercapai melalui pelaksanaan WKB ini. Dasar dan strategi serta pelan tindakan berkaitan sedang giat dirangka oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.